

Smart Home
Cover

PILIH DENGAN BIJAK PILIH LAH SMART HOME COVER

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (735426-V)


(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Allianz Customer Service Center

Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.
Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542
E-mel: customer.service@allianz.com.my

  AllianzMalaysia

 allianz.com.my



Dikemaskini 03/19

AZ03/19



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (735426-V)

Allianz 

Melindungi anda dari A-Z

SMART HOME COVER

Sebuah rumah adalah lebih daripada sekadar pelaburan yang tinggi. Bagi sesetengah individu, ia adalah kediaman peribadi yang menyimpan segala aset berharga. Bagi sesetengah individu pula, ia menjadi sumber pendapatan penyewaan. Apa jua definisinya, adalah wajar untuk anda mengambil langkah terbaik demi melindungi rumah anda dan isi kandungannya daripada kerosakan atau kerugian yang boleh menjejaskan kewangan anda.

Memperkenalkan Smart Home Cover, insurans kediaman yang menawarkan fleksibiliti untuk ketenangan minda anda. Ia merangkumi lima komponen iaitu EmpunyaRumah (Bangunan), IsiRumah (Isi Kandungan), Perlindungan Bayaran Ansuran Pinjaman Perumahan, Pembaikan Rumah dan Insurans Pemilik Rumah. Pelan ini memberikan anda kebebasan untuk memilih dan membuat penyesuaian berdasarkan keperluan dan kehendak anda. Dengan fleksibiliti ini, anda dapat menjimatkan lebih banyak premium. Sama ada rumah digunakan sebagai kediaman peribadi mahupun sumber penyewaan rumah, anda tidak perlu bimbang kerana ia dilindungi oleh Smart Home Cover.



Kalkulator Jumlah Yang Diinsuranskan

Agen kami akan membantu anda menentukan amaun untuk menginsuranskan bangunan kediaman berdasarkan nilai yang disetujui



Diskaun Premium

Diskaun sehingga 30% ke atas premium EmpunyaRumah tertakluk kepada syarat

PERLINDUNGAN



EmpunyaRumah (Bangunan)

Melindungi bangunan kediaman termasuk lekapan, kelengkapan, garaj, dinding, pintu pagar dan pagar di sekeliling rumah. Anda boleh memilih untuk menginsuranskan mengikut nilai yang dipersetujui dengan menggunakan kalkulator jumlah diinsuranskan yang disediakan oleh Allianz, atau kos pembinaan semula mengikut cadangan anda.



IsiRumah (Isi kandungan)

Melindungi isi kandungan rumah dan barangan persendirian kepunyaan anda atau ahli keluarga. Anda boleh memilih untuk menginsuranskan:

- Berdasarkan *nilai penuh* di mana ia akan melindungi kesemua isi kandungan dalam bangunan.
- Berdasarkan *kerugian pertama* di mana ia akan melindungi isi kandungan mengikut pilihan daripada lima pelan berlainan.



Perlindungan Bayaran Ansuran Pinjaman Perumahan

Melindungi ansuran pinjaman bulanan sekiranya rumah anda dianggap tidak dapat didiami buat sementara waktu disebabkan oleh kejadian yang diinsuranskan atau dipindahkan oleh pihak berkuasa tempatan melebihi 72 jam ataupun orang yang diinsuranskan ditimpa kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan.



Pembaikan Rumah

Perlindungan pembayaran balik bagi keadaan-keadaan berikut:

- Kerja pembaikan paip yang pecah
- Kerja pembaikan atau penggantian pintu, kunci dan tingkap (termasuk kerja pembaikan sementara) akibat pencurian
- Elaun bantuan domestik
- Kerja pembaikan rumah atau perkhidmatan* melalui rakan perniagaan Allianz** (setahun sekali)
- Seandainya rakan perniagaan Allianz tidak tersedia, tuntutan boleh dibuat berdasarkan pembayaran balik.

* *Penyaman udara, sistem paip, pendawaian elektrik, perkhidmatan mengecat, pemasangan bumbung, kawalan perosak dan tukang kunci*

***Rakan perniagaan Allianz termasuk [recommend.my](http://www.recommend.my) (www.recommend.my) dan [ServisHero](http://www.servishero.com) (www.servishero.com). Gunakan kod promo "ALLIANZ"!*



Insurans Pemilik Rumah

Melindungi kerosakan akibat niat jahat oleh penyewa ataupun apabila penyewa melarikan diri. Allianz akan menanggung yuran guaman untuk surat tuntutan ke atas sewa lewat tempoh.

JADUAL MANFAAT

Smart Home Cover membolehkan anda memilih dan memperincikan penyelesaian insurans berdasarkan keperluan dan kewangan anda.



Empunya-Rumah

Nilai Yang Disetujui	Jumlah Yang Diinsuranskan ditentukan dengan menggunakan kalkulator yang disediakan oleh Allianz
Nilai Pasaran / Pengembalian semula	Jumlah Yang Diinsuranskan ditentukan oleh pelanggan



IsiRumah

Nilai Penuh	Jumlah Yang Diinsuranskan ditentukan oleh pelanggan					
		Opsyen 1	Opsyen 2	Opsyen 3	Opsyen 4	Opsyen 5
Kerugian Pertama	Jumlah Manfaat (RM)	10,000	20,000	30,000	50,000	70,000
	Premium (RM)	52*	104*	156*	239*	307*

Nota: Produk asas diwajibkan EmpunyaRumah dan/atau IsiRumah

*tidak termasuk kawasan yang kerap dilanda banjir



Perlindungan Bayaran Ansuran Pinjaman Perumahan

	Opsyen 1		Opsyen 2		Opsyen 3	
	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)
Rumah yang tidak dapat didiami buat sementara waktu	Sehingga 10,000 atau 6 bulan	21	Sehingga 20,000 atau 6 bulan	42	Sehingga 30,000 atau 6 bulan	63
Kematian & hilang upaya kekal akibat kemalangan	Sehingga 10,000 atau 6 bulan		Sehingga 20,000 atau 6 bulan		Sehingga 30,000 atau 6 bulan	



Pembaikan Rumah

	Opsyen 1		Opsyen 2		Opsyen 3	
	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)
Kerja pembaikan paip yang pecah	Sehingga 500	34	Sehingga 1,000	53	Sehingga 1,500	86
Kerja pembaikan atau kerja pembaikan sementara, atau penggantian Pintu, Kunci dan Tingkap akibat Pencurian	Sehingga 200		Sehingga 200		Sehingga 200	
Elaun Bantuan Domestik	Sehingga 100		Sehingga 200		Sehingga 300	
Kerja pembaikan rumah atau perkhidmatan melalui rakan perniagaan Allianz	50		60		80	



Insurans Pemilik Rumah

	Opsyen 1		Opsyen 2		Opsyen 3	
	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)
Kerosakan akibat niat jahat oleh penyewa	Sehingga 2,000	51	Sehingga 2,000	181	Sehingga 2,000	439
Penyewa Melarikan Diri	-		RM500 setiap kejadian, terhad kepada dua kali setahun		RM1,500 setiap kejadian, terhad kepada dua kali setahun	
Yuran guaman untuk surat tuntutan	Terhad kepada dua kali setahun		Terhad kepada dua kali setahun		Terhad kepada dua kali setahun	



*Mbolehkan anda
mendapat perlindungan
yang paling sesuai
untuk rumah anda.*

SOALAN LAZIM

Apa itu Smart Home Cover?

Smart Home Cover adalah insurans kediaman bersifat modular yang membolehkan pelanggan memilih insurans perumahan mengikut kesesuaian diri berdasarkan keperluan dan/atau kehendak tersendiri.

Apa yang terkandung dalam Smart Home Cover?

Ia terdiri daripada 5 komponen: EmpunyaRumah (Bangunan), IsiRumah (Isian), Perlindungan Bayaran Ansuran Pinjaman Perumahan, Pembaikan Rumah dan Insurans Pemilik Rumah.

Perluakah saya membeli kelima-lima komponen?

Pelanggan hanya perlu membeli komponen EmpunyaRumah dan/atau IsiRumah sebagai asas. Lain-lain komponen adalah untuk pilihan pelanggan berdasarkan keperluan tersendiri.

Apakah keistimewaan Smart Home Cover?

Selain memberi peluang kepada pelanggan untuk memilih insurans kediaman mereka mengikut kesesuaian, pelanggan juga boleh menjimatkan bayaran premium.

Siapakah yang boleh membeli Smart Home Cover?

Empunya rumah, pemilik rumah dan penyewa rumah.

Apakah itu Nilai Yang Disetujui?

Nilai Yang Disetujui adalah amaun untuk menginsuranskan hartanah anda, dihitung oleh agen kami dengan menggunakan kalkulator yang disediakan oleh Allianz.

Adakah pelanggan semestinya menginsuranskan bangunan dengan nilai yang disetujui?

Tidak semestinya. Pelanggan juga boleh menginsuranskan bangunan mereka berdasarkan nilai pasaran atau nilai pengembalian semula dengan jumlah yang ingin diinsuranskan ke atas bangunan tersebut.

Nota: Bagi mengelakkan insurans terkurang, sila pastikan bahawa jumlah yang diinsuranskan adalah mencukupi.

Risalah ini adalah sah mulai 7 Mac 2019. Brosur ini bukan Kontrak Insurans. Keterangan perlindungan yang disediakan adalah hanya ringkasan untuk rujukan cepat dan mudah. Terma, faedah, syarat dan pengecualian terperinci yang diguna pakai dinyatakan di dalam Polisi. Risalah ini mengandungi terjemahan dalam versi Bahasa Malaysia. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan tafsiran, versi dan tafsiran Bahasa Inggeris akan diguna pakai.